

**CERITA ADAM: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF STILISTIK
*THE STORY OF ADAM: A PERSPECTIVE BASED ON STYLISTIC
ANALYSIS***

Faezah Muhayat & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Serdang, Selangor, Malaysia.

faezahmuhayat80@gmail.com

ABSTRAK

Novel Cerita Adam merupakan novel yang telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2004/2005 Kategori Novel Remaja, iaitu pengiktirafan yang bertaraf kebangsaan terhadap para penulis yang menghasilkan karya sastera yang bermutu. Novel ini mendapat pelbagai pujian dan komen yang muluk-muluk daripada pembaca dan peneliti sastera. Justeru, dalam makalah ini pengkaji akan meneliti dan menganalisis novel ini dari aspek stilistik. Tujuan kajian adalah untuk meneliti aspek bahasa yang digunakan oleh pengarang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel tersebut mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Namun pada keseluruhannya, novel ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dan boleh dijadikan bahan bacaan masyarakat, khususnya golongan remaja. Bahasa yang digunakan dalam novel ini mudah dan menarik, digabungkan dengan teknik penceritaan yang sesuai. Hal ini memudahkan golongan remaja memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Penggunaan gaya bahasa, teknik penceritaan dan diksi yang sesuai sangat membantu pembaca memahami pemikiran yang cuba diutarakan oleh pengarang.

Kata Kunci: Novel, Remaja, Bahasa, Stilistik

ABSTRACT

The story of Adam's novel is a novel that has won the Malaysian Prime Gift Literature (HSPM) in the year 2004/2005, namely teenage novel category recognizing the national standard against writers who produce works of literary quality. This novel received various compliments and comments grandiose than literary readers and researchers. Precisely, in this paper reviewer will examine and analyze the stylistic aspects of this novel. The purpose of the study was to examine aspects of the language used by the author. Adaptive study demonstrated that the novel has its own advantages and disadvantages. But on the whole, this novel has its own strength and may be used as reading material people, especially adolescent groups. The language used in this novel is easy and exciting, coupled with appropriate storytelling techniques. This makes it easier to understand message teen group that would be submitted by the author. The use of style, storytelling techniques and diction appropriate help readers understand the thinking that expressed by the author.

Keywords: Novel, Teen, Language, Stylistic

PENGENALAN

Baharuddin Kahar merupakan seorang penulis yang telah berkecimpung dalam dunia penulisan sejak awal tahun 1970-an. Karya beliau merangkumi pelbagai genre seperti cerpen, puisi, skrip drama dan novel. Novel Cerita Adam (seterusnya CA) merupakan novel beliau yang ketiga, selepas Senjakala (1986) dan Menerjang Gelombang (1989) yang diterbitkan pada tahun 2004 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Novel ini telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2004/2005 bagi kategori novel remaja. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah novel remaja (seperti yang diperagakan pada bahagian kulit novel) ditambah pula dengan kewibawaan syarikat yang menerbitkan buku ini, iaitu DBP yang sedia terkenal sebagai sebuah badan penerbitan yang berwibawa khususnya dalam bidang bahasa dan kesusasteraan

Melayu, CA mendapat pelbagai pujian dan komen yang muluk-muluk daripada pembaca dan peneliti novel ini, dari aspek didaktik dan juga penggunaan bahasanya yang dikatakan mudah dan memberi kesan mendalam kepada pembaca. Malah, kejayaan novel ini memenangi HSPM, iaitu sebuah pengiktirafan yang bertaraf kebangsaan terhadap para penulis yang menghasilkan karya sastera yang bermutu, memperkukuhkan lagi dakwaan bahawa novel CA sememangnya novel yang baik melalui pembauran bahasanya yang menarik dan boleh dijadikan pengajaran yang berguna kepada remaja.

Seterusnya, Misran Rokimin (2006) melalui penelitiannya terhadap CA dari aspek pembangunan insan remaja, merumuskan bahawa CA sarat dengan nilai murni dan merupakan manifestasi pembangunan insan yang merangkumi pembangunan sosial, pembangunan kognitif dan pembangunan kebahasaan. Malah, beliau turut mengakui bahawa CA memberikan rasa kemanusiaan yang tinggi dan dapat memberikan rasa keinsafan kepada pembaca terutamanya pembaca remaja. Tambahnya lagi kekuatan pengarang novel ini adalah dalam mengeksploitasi bahasa dengan berkesan sehingga mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat diterima dengan baik dan memberi impak yang positif kepada pembaca, melalui rasa kemanusiaan dan keinsafan yang tinggi. Di samping itu, hujah yang seterusnya menarik untuk diperkatakan bagi memperkukuhkan lagi dakwaan bahawa bahasa yang digunakan oleh Baharuddin dalam novel CA dikatakan cukup bersahaja dapat dilihat dalam keterangan pada bahagian rangsangsari novel berkenaan yang turut mengakui bahawa kekuatan novel CA adalah terletak pada gambaran jiwa remaja pada watak utamanya, yang sering bergolak disebabkan situasi persekitarannya. Kenyataan pada rangsangsari ini dilihat lebih cenderung untuk memperkukuhkan lagi dakwaan bahawa novel CA adalah novel yang baik dari aspek pembauran bahasanya yang dapat menimbulkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Hal ini kerana gambaran jiwa remaja adalah sesuatu yang abstrak dan tidak dapat dirasai oleh pembaca jika bahasa yang digunakan oleh pengarang tidak tepat atau tidak sesuai mengikut konteksnya.

Selain itu, pengamatan Ahmad J. Hussein (2011) terhadap novel CA turut memberikan pujian dan komen yang positif. Antara lain beliau menjelaskan bahawa CA sarat dengan pendidikan moral dan seperti karya Baharuddin sebelum ini (merujuk pada novel *Senjakala* dan antologi cerpen *Kampung Halaman*), Baharuddin dikatakan masih mengekalkan bahasa dan frasa-frasa romantik dalam novelnya, dan CA bolehlah dikatakan berjaya dari segi mesej pendidikan moral yang sewajarnya ada dalam sebuah novel remaja. Bahasa yang digunakan oleh Baharuddin juga dikatakan cukup bersahaja dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa Baharuddin jelas sekali tahu peranannya sebagai penulis, iaitu tidak terlalu ghairah menyelitkan bahasa dan ayat-ayat yang sukar difahami. Berdasarkan pengamatan Ahmad J. Hussein ini, dapat dikatakan bahawa aspek penggunaan bahasa dalam novel CA turut menjadi intipati dalam penghujahan komentarnya yang diakui sesuai dan tepat dengan khalayak remaja.

Penggunaan bahasa yang mudah dan lurus dalam novel CA turut diakui oleh Baharuddin sendiri yang mengakui bahawa CA adalah bertolak daripada kenangan dan pengalamannya yang pernah bergaul dengan anak-anak gelandangan dan terlibat bermain muzik di kelab. Justeru, tidak hairanlah jika dakwaan bahawa bahasa yang digunakan oleh penulis ini mudah dan sesuai dengan khalayak remaja, kerana CA ditulis berdasarkan pengalaman pengarang yang pernah mengalami situasi yang sama dengan watak dalam cerita. Keadaan ini memudahkan lagi penulis menjiwai watak dan merakamkannya dalam bentuk bahasa yang tepat dan sesuai. Penggunaan bahasa yang baik dan sesuai juga, turut ditekankan oleh Samuel Taylor Coleridge yang menyatakan bahawa bahasa yang baik ialah hasil dari perenungan dan penyusunan yang dilakukan berulang kali dan penuh kesedaran (Mana Sikana, 2008). Tuntasnya, taraf penggunaan bahasa amat penting dalam menentukan kualiti sesebuah karya sastera. Berdasarkan pengamatan terhadap kelimalima ulasan di atas, rata-rata memberikan penekanan terhadap satu perkara pokok, iaitu penggunaan aspek bahasa yang dikatakan baik dan sesuai dengan khalayak remaja. Hal ini bukan sahaja diakui oleh Panel Penilai

HSPM 2004/2005, malah Misran Rokimin (2006) dan Ahmad J. Hussien (2011) juga mengutarakan pandangan yang sama, iaitu kekuatan novel CA adalah dari aspek pengolahan bahasanya yang baik sehingga mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca. Dalam ruangan rangsangsari novel ini juga mengutarakan perkara yang sama, iaitu aspek bahasanya yang baik menyebabkan gambaran jiwa remaja pada watak Adam yang mempunyai pelbagai perasaan; penyayu, pendendam, pemaarah, dan pemberontak dapat diselami dan dirasai oleh pembaca dengan baik. Malah, pengakuan pengarang yang mengatakan bahawa beliau menulis novel CA dengan menggunakan bahasa yang mudah dan lurus, berdasarkan pengalamannya sendiri bergaul dengan anak-anak gelandangan dan pernah bermain muzik di kelab, mengukuhkan lagi dakwaan bahawa penggunaan bahasa dalam novel CA sememangnya baik, sesuai, tepat dan hasilnya memberikan impak yang positif kepada pembaca.

Implikasi daripada dakwaan ini telah mendorong perbincangan tentang aspek bahasa dalam novel CA yang dikatakan sesuai dan menepati ciri-ciri novel remaja. Oleh yang demikian, objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen bahasa dalam novel CA yang dikatakan tunjang kekuatan novel ini dalam memberikan rasa keinsafan, gambaran jiwa dan rasa kemanusiaan yang tinggi kepada pembaca, seterusnya merumuskan tentang kekuatan dari aspek bahasa dalam novel ini. Penelitian ini dijangka dapat menjawab persoalan tentang kekuatan novel CA yang terletak pada pembauran bahasanya yang menarik khususnya dari aspek gaya bahasa. Sesungguhnya, peranan bahasa dalam sesebuah karya sastera tidak keterlaluan untuk dibangkitkan kerana bahasa merupakan wahana komunikasi dan sangat penting dalam menentukan kejayaan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca.

Dalam membicarakan aspek bahasa dalam novel CA, perbincangan ini akan menggunakan pendekatan stilistik sebagai kerangka analisis. Sejajar dengan kedudukannya sebagai satu kerangka, bahagian ini akan membincangkan tentang prinsip dan konsep yang relevan yang akan diguna pakai sepanjang analisis ini.

Pendekatan ini secara khusus mendekati kesusasteraan sematamata melalui metodologi bahasa. Stilistik berasal daripada Bahasa Inggeris, iaitu *style* yang bererti gaya dan daripada bahasa serapan, *linguistic* yang bermaksud tatabahasa. Menurut Antilan Purba (2009), istilah stilistik atau *stylistics* terdiri daripada dua kata, iaitu *style* dan *ics*. *Style* adalah pengarang atau pembicara yang baik gaya bahasanya, perancang atau ahli dalam mode. *Ics* pula merujuk kepada ilmu, kaji dan telaah. Dalam beberapa buah kamus umum seperti Kamus Besar Bahasa Indonesia dan Kamus Istilah Sastra, istilah stilistik membawa pengertian yang hampir sama. Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988) misalnya, mentakrifkan stilistik sebagai ilmu tentang penggunaan bahasa dan gaya bahasa di dalam karya sastra.

Dalam Kamus Istilah Sastra pula, Sudjimar (1990) menyatakan bahawa stilistik merupakan ilmu yang menyelidik tentang penggunaan bahasa dan gaya bahasa dalam karya sastra. Selain itu, (Keris Mas (1988) dalam buku *Perbincangan Gaya Bahasa Sastra* memberikan pengertian stilistik sebagai kajian tentang stail yang mengkaji segala kemungkinan gaya kesusasteraan untuk menilai dan mendapat kefahaman benar mengenai sebuah teks kesusasteraan. Umar Junus (1989) mengatakan bahawa hakikat stilistik adalah pemakaian dan penggunaannya dalam karya sastra, tetapi kemunculannya sudah ada dalam linguistik. Menurutnya lagi, stilistik dipakai sebagai gabungan ilmu sastra dan ilmu linguistik. Lebih lanjut, beliau mengusulkan bahawa stilistik itu boleh menjadi ilmu yang berdiri sendiri, terlepas dari linguistik ataupun sastra. Berdasarkan pelbagai takrifan dan pendapat sarjana tentang stilistik, dapat disimpulkan bahawa (1) stilistik adalah ilmu interdisiplin linguistik dengan sastra; (2) stilistik adalah ilmu tentang pemakaian bahasa dalam karya sastra; (3) stilistik adalah ilmu gaya bahasa yang digunakan dalam wacana sastra; dan (4) stilistik mengkaji wacana sastra dengan orientasi linguistik. Oleh yang demikian, tujuan stilistik adalah untuk memperlihatkan keberhasilan seseorang pengarang mengolah bahasa yang sesuai sebagai penerapan karya kreatif yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika sambil mampu

menyuguhkan persoalan dan pemikirannya. Ia juga merupakan satu kajian terhadap karya yang menekankan aspek bagaimana untuk menulis sesebuah karya dengan baik dan cara mengeksploitasikan bahasa dengan sebaik-baiknya (Toolan, Micheal, 1998).

Dalam memperkatakan tentang pendekatan stilistik moden, Mana Sikana (2008) menekankan tujuh prinsip dan konsep yang harus ditaati, iaitu (1) menganggap atau mengiktiraf bahasa sebagai punca kegiatan berkreaitif; (2) menganalisis aspek penggunaan bahasa dan aspek-aspek pembahasaan dalam karya; (3) melihat gaya peribadi atau stail individualisme (pengarang); (4) membuat huraian terhadap pembentukan ayat dan pemilihan perkataan; (5) membuat analisis terhadap perwatakan; (6) menekankan penelitian tentang bagaimana sesebuah karya sastera itu dihasilkan dan; (7) menghuraikan bagaimana karya tersebut dapat difahami dan dihargai oleh pembaca. Atas kesedaran terhadap soal keterbatasan ruang dan kepentingan memelihara fokus perbincangan, analisis dalam perbincangan ini hanya akan mengambil beberapa prinsip dan konsep yang bersesuaian dengan novel CA yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut nanti. Justeru, analisis ini sedaya mungkin membincangkan tentang aspek gaya bahasa sastera pengarang dan menghuraikan bagaimana novel CA dapat difahami dan dihargai oleh pembaca.

Analisis Gaya Bahasa dalam Novel Cerita Adam

Secara ringkas, CA memaparkan kisah kehidupan seorang anak remaja bernama Adam yang berusia 15 tahun setelah kematian bapa dan datuknya. Ibunya, Kasmah telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Ipoh lantaran saudara mara sebelah suaminya (kecuali adik bongsu suaminya bernama Zaleha dan suaminya, Ismail yang sedang menuntut di England) yang tidak menyukainya. Di Ipoh, mereka menumpang di rumah Juni, iaitu rakan baik Kasmah sejak dua puluh tahun lalu, yang sama-sama bekerja sebagai penyanyi di Jublee Night Club. Disebabkan tekanan hidup yang susah di samping sukar untuk mencari pekerjaan, Kasmah terpaksa bekerja semula sebagai penyanyi kabaret yang sudah lama

ditinggalkannya setelah berkahwin dengan suaminya, Surip. Keputusan ibunya itu memilukan Adam kerana di sekolah, dia sering diejek oleh sekumpulan pelajar samseng yang menggelar ibunya perempuan murahan. Tidak cukup dengan penghinaan itu, dia juga telah difitnah mencuri pen kepunyaan Chong Beng yang merupakan salah seorang ahli kumpulan samseng di sekolah itu. Ejekan demi ejekan, penghinaan demi penghinaan telah merubah sahsiah Adam daripada anak muda yang bersopan santun terhadap ibu bapa dan orang tua, menjadi seorang yang bersikap kasar, pendendam, pemarkah dan kurang ajar. Semua sikap itu disebabkan oleh tekanan perasaan yang dialaminya. Akibat tidak berpuas hati dengan hukuman gantung sekolah yang telah dijatuhkan oleh guru disiplin, Adam telah menumbuk Bakar, salah seorang ahli kumpulan samseng di sekolahnya sehingga cedera. Berita itu telah sampai ke pengetahuan ibunya, lalu Adam dihalau dari rumah.

Sejak itu, bermulalah episod keperitan hidup Adam dalam meneruskan kehidupannya bersama-sama sekumpulan anak-anak gelandangan yang tinggal di sebuah stor kereta api yang sudah tidak digunakan. Dalam mengikuti dan menghayati kisah dalam novel CA, beberapa aspek gaya bahasa yang menarik untuk diperhatikan ialah dari aspek struktur dan teknik penceritaan, pemilihan perkataan dan penggunaan bahasa kiasan yang digunakan oleh pengarang. Umum sedia maklum bahawa setiap pengarang mempunyai gaya penulisan tersendiri, yang membezakannya dengan pengarang lain. Demikian juga dengan Baharuddin Kahar yang dilihat memperagakan satu corak gaya bahasa tertentu, yang digunakan dalam penulisan dan gaya tersebut terserlah dalam beberapa aspek berikut:

Struktur dan Teknik Penceritaan

Teknik penceritaan atau juga dikenali sebagai teknik plot ialah cara pengarang mengembangkan plot ceritanya supaya menarik dan terkesan. Struktur cerita yang baik iaitu pemilihan sudut pandangan yang sesuai, gaya bahasa yang menarik, plot yang kemas dan pemerian watak dan perwatakan yang jelas, akan memberikan

gambaran menyeluruh tentang kualiti sesebuah novel yang dihasilkan oleh seseorang pengarang. Dalam menganalisis novel CA, satu perkara yang menarik perhatian ialah teknik penceritaannya yang meskipun sebahagian besar menggunakan sudut pandangan serba tahu bebas (editorial omniscience), namun ketelitian pengarang memerihalkan sesuatu perkara dengan terperinci, jelas dan teratur dengan menggunakan bahasa yang mudah, ternyata memberi kesan mendalam kepada pembaca. Sebagai contoh gambaran perasaan yang dialami oleh Adam sewaktu menerima berita kematian bapanya yang diceritakan dengan terperinci seperti petikan berikut:

Adam masih ingat, waktu itu hampir tengah hari. Dia sedang mengikuti pelajaran Sejarah di dalam kelas. Tiba-tiba dia dipanggil ke bilik guru dan diberitahu bahawa ayahnya ditimpa kecelakaan. Dia berasa cemas dan bimbang. Perasaan cemas dan bimbang itu akhirnya menjadi duka yang mendalam apabila dia sampai di rumah. Tahulah dia bahawa sebenarnya ayahnya telah meninggal dunia akibat kecelakaan tanah lombong runtuh di tempat kerjanya. Orang begitu ramai di rumahnya. Dia seolah-olah bingung dan menjadi pendiam. Cuma air matanya yang berlinang tidak putus-putus. Dan air mata itu menjadi bertambah lebat apabila dia dipeluk dengan erat oleh ibunya (hlm. 4).

Berdasarkan petikan di atas, didapati bahawa pengarang novel CA bijak memilih dan menggunakan perkataan yang sesuai bagi menggambarkan emosi yang dialami oleh Adam. Kecelaruhan perasaan Adam pada ketika itu, ditandai dengan perkataan-perkataan seperti cemas, bimbang, duka, pendiam dan air mata. Malah, pengarang sengaja memberikan penekanan dan mengulangi perkataan tersebut bagi menambahkan lagi kesan emosi kepada pembaca.

Lanjutan itu, analisis ini juga mendapati bahawa pengarang novel ini mempunyai kepekaan dan daya pengamatan yang tinggi terhadap persekitarannya. Hal ini terbukti dalam novel CA apabila pengarang berjaya memerikan sesuatu perkara atau peristiwa dengan terperinci, yang tidak semua pengarang mampu melakukannya. Hasil pengamatan dan kepekaannya terhadap sesuatu perkara, beliau telah meluahkannya dalam penulisan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan baik, sebagaimana contoh berikut:

Seorang perempuan bergegas keluar dari rumah, lincah meluru ke arah mereka. Dia kelihatan masih cantik dan bergaya. Memakai baju kebaya berwarna kuning telur dan berkain batik bercorak pucuk rebung berwarna coklat jernih. Badannya agak gempal, berkulit hitam manis dengan potongan rambut kemas ala 'baby doll'(hlm. 24).

Dengan pemerian yang terperinci, secara tidak langsung pengarang sebenarnya membantu pembaca untuk memahami sesuatu perkara, menjiwai peribadi sesuatu watak dan turut menambahkan pengetahuan pembaca tentang sesuatu perkara, misalnya pengetahuan baharu tentang adanya motif pucuk rebung dalam corak kain batik. Malah, melalui pemerihalan terperinci sesuatu peristiwa seperti di atas, pembaca dapat membayangkan perasaan Mak Cik Juni dalam menerima kehadiran Adam dan ibunya.

Selain itu, daripada analisis novel CA juga mendapati bahawa pengarang turut menggunakan teknik penceritaan imbas kembali (flashback). Imbas kembali merupakan suatu teknik pengarang mengenang semula peristiwa yang pernah dialami oleh watak melalui penceritaan semula seperti mimpi, kenangan atau ingatan watak. Teknik ini sering digunakan oleh pengarang dalam memerihalkan tentang kenangan yang pernah dilalui oleh Adam, Kasmah dan Pak Cik Thomas. Misalnya, disebabkan ejekan dan penghinaan rakan-rakan sekolahnya terhadap kerjaya ibunya

sebagai penyanyi kelab malam, Adam sering termenung dan berubah menjadi pendiam. Dia sering terkenang kampung halaman yang ditinggalkannya dan kenangan bermain bersama rakan-rakannya seperti Hendun dan Suri. Melalui watak Kasmah, pengarang menggunakan teknik imbas kembali untuk menceritakan latar kehidupan Kasmah sewaktu kecil, zaman remajanya sehinggalah dia berkahwin untuk kali kedua dengan Surip. Melalui teknik ini, pembaca dapat mengetahui bahawa Kasmah merupakan seorang yang bukan sahaja pandai menyanyi, malah dia juga pandai mengaji al-Quran kerana mewarisi bakat yang ada pada arwah ibunya, yang bukan sahaja pernah menjadi johan qariah di kampung, malah juga menjadi johan menyanyi lagu-lagu asli dan ghazal.

Melalui teknik imbas kembali juga, punca penceraian antara Kasmah dan suami pertamanya dapat diketahui. Berdasarkan penceritaan semula, Kasmah bercerai kerana suaminya yang turut bekerja sebagai pemain muzik di kelab malam yang sama, telah jatuh cinta dengan penyanyi lain di kelab itu. Kasmah juga sering terkenangkan suami keduanya, Surip di saat dia sedih apabila mengenangkan dirinya yang dirasakan tidak mampu untuk mengawal dan menjaga Adam dengan baik. Begitu juga dengan watak Pak Cik Thomas yang sering terkenangkan bekas isterinya, Jennifer (nama asalnya Siew Fong) yang terpaksa diceraikannya atas alasan ketiadaan zuriat kerana Pak Cik Thomas didapati mandul. Kesemua cerita ini dipaparkan oleh pengarang menggunakan teknik imbas kembali.

Seperkara lagi yang menarik untuk dibincangkan dari aspek teknik penceritaan dalam novel CA ialah terdapatnya beberapa unsur falsafah yang diketengahkan oleh pengarang dan boleh diteladani oleh pembaca. Melalui novel ini, ungkapan falsafah “no man is an island” yang terdapat dalam novel *The Old Man and the Sea* karya Ernest Hemingway, dilihat berupaya membentuk citra watak Adam. Watak Santiago dalam novel tersebut seakan-akan dijadikan idola oleh Adam kerana kekuatan semangatnya yang tidak pernah mengaku kalah. Lantaran itu, beberapa falsafah yang

diungkapkan oleh Santiago sentiasa menjadi pegangan Adam, antaranya adalah seperti yang berikut:

Seorang lelaki memang boleh dimusnahkan, tetapi tidak dikalahkan! (hlm. 103).

‘Santiago! I want to be as strong as you are!!’ (hlm.111).
“Yes, Santiago... all the problem might thrown me into total sadness, but it will not defeated me!” (hlm. 168).

Pembuktian ini jelas menunjukkan kepekaan pengarang untuk mempelbagaikan teknik penceritaan dalam novel CA, agar karya yang dihasilkan memberi kesan yang maksimum kepada pembaca. Pengarang juga dilihat sedar akan tanggungjawabnya dalam memberikan sesuatu ilmu atau motivasi kepada pembaca khususnya pembaca remaja. Perkara ini turut diakui oleh Nor Raudhah Haji Siren (2006) yang mengatakan bahawa falsafahfalsafah hidup yang baik dapat membantu pembaca novel remaja mengambil panduan dan membantu remaja meningkatkan daya fikir.

Dari aspek struktur pula, melalui analisis didapati bahawa terdapat dua jenis susunan ayat yang kerap digunakan oleh pengarang, iaitu susunan ayat yang pendek dan susunan ayat yang panjang. Kedua-dua susunan ayat tersebut tidak terlalu kompleks dan boleh dikatakan hampir keseluruhan ayat dalam novel CA dapat diikuti dengan mudah dan difahami oleh pembaca, sebagaimana contoh berikut:

“Kamu nak ke mana?” “Keluar jumpa kawan.” “Boleh aku ikut?” “Err... lain kali, malam ‘ni aku ada hal...” “Alah... kamu ‘dah sombong, ya? “Ehh...’ngapa cakap macam ‘tu? “Iyalah... kamu ‘dah sombong. Sekarang ‘ni kamu ‘dah tak begitu suka bercakap-cakap dengan aku lagi. Rahmat pun ada kata yang kamu sekarang sangat pendiam...”(hlm.108).

Berdasarkan petikan di atas, dapat dikatakan bahawa ayat-ayat yang pendek tidak digunakan pada semua tempat dan keadaan. Ayat-ayat tersebut hanya digunakan pada tempat dan keadaan tertentu sahaja, misalnya dalam dialog antara watak-watak. Ayat tersebut juga tidak menggambarkan pemikiran yang mendalam, sebaliknya cuma pertuturan biasa yang digunakan dalam kalangan masyarakat bawahan. Menerusi dialog tersebut juga, didapati bahawa terdapat penggunaan perkataan singkatan atau ringkas seperti “ni”, “dah”, dan “ngapa”. Penggunaan singkatan tersebut memang sesuai dan sering terdapat dalam perbualan seharian. Di samping itu, ayat-ayat yang pendek banyak digunakan oleh pengarang dalam melukiskan gerak laku watak. Susunan ayat-ayat yang pendek dan ringkas tersebut menjadikan tempoh bercerita seakan-akan lebih cepat dan bertenaga.

Selain itu, penggunaan ayat yang panjang dalam novel CA berfungsi untuk menjelaskan sesuatu gambaran, terutama tentang latar alam, keadaan watak dan peristiwa. Ia juga bertujuan untuk memberikan kesempatan kepada pembaca untuk membangunkan daya imaginasi mereka terhadap sesuatu yang diperihalkan oleh pengarang. Pengarang novel CA juga kerap menggunakan pengulangan perkataan dan gambaran sesuatu keadaan dengan tujuan untuk memberi penegasan atau gambaran suasana lazim yang dialami oleh watak. Sebagai contoh, pengulangan gambaran suasana tempat tinggal Adam dan ibunya, terdapat pada halaman 69, 103, 107 dan 128 seperti berikut:

... di luar kanak-kanak sedang bermain-main seperti biasa. Dia tahu, seperti biasa juga di tepi-tepi jalan, kucing-kucing jalanan tentu sedang sibuk menyelongkar tong-tong sampah. Di pangkin-pangkin hadapan rumah, orang-orang dewasa berlonggok dan berbual. Di satu simpang, sekumpulan anak muda memetik gitar sambil menyanyi-nyanyi (hlm. 103).

Pengulangan gambaran suasana yang biasa berlaku di kawasan tempat tinggal Adam dan diulang beberapa kali oleh

pengarang novel ini menunjukkan bahawa pengarang ingin menyampaikan maksud kepada pembaca tentang gambaran jiwa watak Adam yang sunyi, sepi, sayu dan bosan dengan situasi dirinya yang tinggal bersendirian akibat ditinggalkan oleh ibunya yang keluar bekerja. Berdasarkan contoh-contoh yang telah dipaparkan, dapat dikatakan bahawa kebolehan pengarang mempamerkan struktur dan teknik penceritaan yang tersendiri, sesungguhnya bukan hanya kerana bakat yang dimilikinya semata-mata, tetapi disokong kuat oleh penelitian, pengalaman dan pembacaannya yang luas.

Kepekaan, penghayatan dan penelitiannya yang tajam terhadap suasana sekeliling, merupakan nilai tambah yang membezakan gaya penulisannya dengan penulis-penulis yang lain. Hal ini diakui oleh Shahnun Ahmad (1979) yang mengatakan bahawa penghayatan yang tajam melalui indera bau, sentuh, dengar dan sihat amat penting bagi seseorang penulis untuk melahirkan sesebuah karya yang baik. Malah, pengakuan pengarang yang mengatakan bahawa novel CA ditulis berdasarkan pengalaman dan kenangannya sendiri, menjadikan novel ini lebih menarik dan bersifat realistik dengan pelukisan setiap peristiwa digambarkan bukan sahaja dengan bahasa yang mudah, malah masih dibaluti dengan laras bahasa kreatif yang memikat. Pengakuan pengarang ini juga, secara tidak langsung turut menjawab persoalan dalam prinsip keenam pendekatan stilistik yang menekankan penelitian tentang bagaimana sesebuah karya sastra dihasilkan.

Pemilihan Perkataan atau Diksi

Secara keseluruhannya, novel CA menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dan sesuai dengan temanya. Hal ini diakui sendiri oleh Baharuddin Kahar dalam penceritaan proses kreatifnya yang mengatakan bahawa dia secara sedar menulis novel ini berdasarkan kenangannya pada zaman persekolahan dan suasana zaman yang telah hampir dilupakan daripada sejarah sosial masyarakat. Beliau turut mengakui bahawa kerana kelemahannya

tidak menyimpan maklumat dengan lebih teliti, maka lahirlah hanya sebuah novel yang kecil dan mudah untuk kategori novel remaja (Baharuddin, 2005). Berdasarkan pengakuan Baharuddin ini yang secara sedar menulis CA untuk kategori novel remaja, maka tidak hairanlah jika pemilihan perkataan atau diksi dalam novel ini lebih bersifat umum dan mudah difahami. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, novel CA menekankan tema pergolakan jiwa remaja (sebagaimana yang dinyatakan pada ruangan rangsangari novel ini), dan persoalan yang dibangkitkan dalam novel ini adalah berkaitan dengan nilai

161



kasih sayang yang mendalam antara suami dan isteri (Kasmah dengan Surip dan Pak Cik Thomas dengan Jennifer), antara ibu dan anak (Kasmah dengan Adam), antara bapa saudara dan anak saudara (Pak Cik Thomas dengan Andy), dan antara rakan-rakan (seperti Piro, Jalil, Neah, Dennilo, Rahmat dan Fatimah). Rasa kasih sayang tersebut bukan sahaja terserlah pada sebelah pihak, tetapi menampakkan hubungan saling menyayangi antara satu sama lain. Kebijaksanaan pengarang memilih diksi yang mudah dan ada hubungannya dengan rasa kasih sayang, penuh kecintaan dan sanggup melakukan pengorbanan bagi menunjukkan rasa tersebut, memberikan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca. Sebagai contohnya, dalam peristiwa Jalil dan Piro meminta pertolongan daripada Adam untuk meminjam wang bagi membeli ubat untuk rakannya Limin yang sedang sakit, jelas menggambarkan rasa jujur dan perasaan kasih sayang antara mereka sebagaimana petikan berikut:

“Minta maaf, ya... abang,” kata budak yang nampak macam budak Benggali atau India itu. “Iya...” “Macam ini, boleh tak abang kasi pinjam kami sikit wang, kami nak beli Aspro, kami punya kawan sakit.” “Hah?” Adam berasa agak curiga. Namun dia menganggukangguk. Sinar mata kedua-dua budak itu nampak jujur dan cemas. Tadi saya ada sikit wang, abang. Tapi semua

sudah hilang, saya punya poket ada lubang.” “Betul, bang,” kata budak Melayu itu pula. “Tadi kami keluar nak beli Aspro, tapi bila sampai dekat kedai ubat ’tu, seluk poket, duitnya ’dah tak ada, tolonglah, bang. Kalau abang tak percaya abang boleh ikut kami, tengok kawan kami yang tengah demam kuat ’tu.” “Eh... percaya....” Adam mengangguk-angguk sambil mengeluarkan wang kertas bernilai seringggit. Wang itu diunjukkannya kepada budak-budak tersebut. Budak-budak itu nampak gembira. “Cukup ke?” Tanya Adam. “Ehh.... cukup, abang, Aspro satu biji baru lima belas sen, beli empat cukup, baru enam puluh sen,” kata budak yang lebih besar itu (halaman 70-71).

Berdasarkan petikan di atas, pembaca bukan sahaja dituntun oleh pengarang untuk menyelami perasaan pada jiwa watak-wataknya, malah kebijaksanaan pengarang memilih perkataan-perkataan yang sesuai dengan pengalaman dan pendidikan watak-wataknya, sepadan dengan keturunan atau bangsa, latar daerah dan tempat menjadikan novel ini lebih bersifat realistik. Perkataan-perkataan seperti “kasi pinjam”, “sikit wang”, dan “saya punya poket ada lubang” yang dituturkan oleh watak bukan Melayu di atas (watak Piro) menggambarkan loghat pertuturan bahasa pasar atau bahasa harian yang lazim diucapkan oleh penutur bukan Melayu yang kurang berpendidikan. Hal ini dilakukan dengan penuh kesedaran oleh pengarang kerana beliau sedar bahawa latar belakang pendidikan dan sosial watak, amat mempengaruhi komunikasi mereka.

Di samping itu, pengarang juga dilihat lebih cenderung menggunakan perkataan-perkataan asing seperti perkataan dalam bahasa Inggeris sepanjang perkembangan plot dalam novel ini. Antara perkataan tersebut ialah police and thief (hlm. 31), history (hlm. 39), the suckers (hlm. 42), flute (hlm. 48), girlfriend (hlm. 50), sir (hlm. 54), gentleman (hlm. 59), make-up (hlm. 62), handsome (76), blanket (hlm. 77), the gladiator (hlm. 79), boxing (hlm. 83), doublebass (hlm. 85), boy (hlm. 101), my young friend (hlm.122),

boredom and loneliness (hlm. 123), no problem (hlm.149), spotcheck (hlm.161), fair fight (hlm.173), under cover (hlm.176), goodbye love (hlm. 215) dan straw (hlm. 231). Pemilihan dan penggunaan perkataan Inggeris ini dapat diterima dan dianggap wajar berdasarkan latar masa novel ini yang masih terikat kuat dengan sistem dan pengaruh penjajah, sama ada dalam sistem pentadbiran, pendidikan dan perkembangan sosiobudaya (Baharuddin, 2005). Pemilihan diksi perkataan-perkataan Inggeris juga sesuai dengan gaya bahasa penceritaan pengarang yang memberi tumpuan kepada watak Adam yang mendapat pendidikan di Sekolah Anderson yang sedia terkenal sebagai sebuah sekolah beraliran Inggeris. Hal ini ditambah pula dengan latar pendidikan pengarang sendiri yang pernah menerima pendidikan dalam aliran Inggeris (Sekolah Anderson, iaitu sekolah yang sama dengan Adam). Justeru, pengaruh aliran Inggeris yang mendominasi perjalanan cerita dalam novel ini secara tidak langsung telah menjawab prinsip ketiga pendekatan stilistik yang melihat gaya peribadi atau stail individualisme yang mempengaruhi seseorang pengarang.

Meskipun penggunaan diksi bahasa Inggeris dirasakan wajar atas sebab-sebab seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, namun adalah relevan jika pengarang menggunakan perkataan atau ayat yang betul dari aspek tatabahasa dan tidak sewenang-wenangnya merosakkan bahasa yang digunakan dengan mencampuradukkannya menjadi bahasa rojak. Dalam novel CA, didapati bahawa terdapat beberapa ayat yang bercampur aduk antara perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam satu ayat yang digunakan oleh pengarang seperti "He is...he is ga...gagap, sir." (hlm. 58) dan "Betul, sir. He is a stammerer..." (hlm. 58). Penggunaan bahasa yang bercampur aduk antara perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam satu pertuturan (bahasa rojak), boleh merosakkan keindahan bahasa tersebut. Kecelaruhan penggunaan bahasa rojak ini dikhuatiri boleh memberikan kesan negatif kepada pembaca apabila pembaca turut terikut-ikut dengan penggunaan bahasa rojak yang secara nyata boleh menghilangkan unsur estetika bahasa tersebut. Perkara ini turut diakui oleh Awang Sariyan (2008) yang mengatakan bahawa percampuran ragam

bahasa basahan (yang ditandai oleh fenomena bahasa rojak, bahasa SMS, bahasa sembang di Internet dan sebagainya) dengan bahasa yang baku dalam situasi rasmi, menjadikan bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa budaya tinggi. Oleh yang demikian, dalam penulisan sesebuah novel, kesedaran pengarang terhadap penggunaan bahasa yang betul dalam penghasilan sesebuah karya adalah dituntut dan hal ini memperlihatkan tanggungjawab pengarang terhadap karya yang dihasilkan.

Selain itu, sepanjang pengamatan terhadap perkembangan plot novel CA, didapati bahawa terdapat beberapa perkataan yang agak sukar difahami seperti perkataan “tergelinjang” (hlm. 104), “tercenung” (hlm 105), “ngenyum” (hlm. 108), “gontai” (hlm. 150), “lambing” (hlm. 154), “tergeletak” (hlm. 167) dan “jemak” (hlm. 201). Perkataan-perkataan ini agak jarang digunakan dan sedikit sebanyak mengganggu proses pembacaan dan pemahaman pembaca terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan. Proses pembacaan dan pemahaman pembaca terhadap novel CA semakin terganggu apabila terdapat beberapa perkataan yang mengandungi kesalahan ejaan yang dapat dikenal pasti, antaranya adalah seperti yang berikut:

- (i) Dia terkenangkan saudara-saudara sebelah suaminya yang sangat-sangat membencikan dia dan Adam (hlm.28).
- (ii) Buku itu karangan Ernest Heningway, seorang penulis terkenal Amerika (hlm.54).
- (iii) “Kamu ikut, ya?” pintu Piro (hlm. 149).
- (iv) ... Satu-satunya anaknya yang sangat disayang, ditatang sebagai lambing penerus kasih sayang, telah keluar dari rumah (hlm. 154).
- (v) Tetapi oleh kuatnya Juni mengesa-gesa, dia akhirnya mengikut (hlm. 187).
- (vi) Sewaktu menyelit-nyelitkan diri di celah gerabak-gerabak itulah seekor kucing yang terkejut tiba-tiba meloncati tubuhnya... (hlm.201).

Berdasarkan pembuktian di atas, jelas terdapat banyak kesalahan ejaan dan pemilihan perkataan yang mengganggu proses pemahaman pembaca terhadap novel CA. Sungguhpun pemilihan dan penggunaan perkataan yang agak jarang digunakan dapat menambahkan kosa kata pembaca, namun usaha ini tidak akan berjaya jika pembaca tidak dibimbing oleh pengarang dengan memberikan makna pada setiap perkataan yang dianggap baharu dan jarang digunakan. Dalam hal ini, pengarang sewajarnya menyediakan glosari pada bahagian akhir novel CA untuk memudahkan pembaca merujuk perkataan yang kurang difahami. Begitu juga dengan kesalahan ejaan yang banyak terdapat dalam novel CA. Dalam konteks ini, pengarang dan editor sewajarnya lebih teliti dalam proses penulisan dan penyuntingan, agar kesalahan ejaan dapat diminimumkan kerana ia melambangkan imej penerbitan sesebuah organisasi, apatah lagi penerbitan buku ini ditangani oleh DBP yang sedia terkenal dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan betul.

Penggunaan Bahasa Kiasan

Bahasa Kiasan atau bahasa perbandingan adalah kata-kata yang disusun secara ringkas dan khas dalam sesuatu penulisan. Dalam penulisan kreatif, penggunaan bahasa kiasan yang berhati-hati dan tepat, boleh menjadi alat yang kuat untuk menyampaikan maksud pengarang dengan lebih indah dan berkesan. Dalam konteks CA, antara bahasa kiasan yang kerap digunakan oleh pengarang ialah personifikasi, iaitu tindakan pengarang memberikan sifat manusia, sama ada dari segi perasaan, perwatakan atau tindak-tanduk kepada benda-benda tidak hidup, bintang, idea atau hal-hal yang abstrak. Kesan daripada penggunaan unsur personifikasi, gambaran bendabenda tidak hidup ini seolah-olah hidup, bergerak dan memberi kesan kepada pembaca sebagaimana contoh berikut:

Dan entah mengapa tiba-tiba dia merasa seperti ditindih pula oleh semacam rasa sunyi yang menikam (hlm.86). Cahaya lampu jalan yang kuning suram tumpah malas ke atas jalan (hlm. 107). Kemudian, pandangan menjaral ke setiap sudut bangunan tua yang daif itu (hlm150). Fikirannya tiba-tiba digoda oleh sesuatu... (hlm 174).

Berdasarkan analisis, didapati bahawa unsur personifikasi lebih mendominasi perjalanan plot novel CA berbanding bahasa kiasan yang lain. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa unsur personifikasi turut melatari penceritaan dalam setiap bab novel ini (CA mengandungi 16 bab). Penggunaan unsur kemanusiaan dalam unsur bukan manusia dalam novel CA ini memberi kesan estetik dan penghayatan yang mendalam kepada pembaca.

Selain unsur personifikasi, pengarang juga dilihat cenderung menggunakan unsur simile dalam novel ini. Simile bermaksud perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu benda, orang dan sebagainya yang ditandai dengan perkataan bak, seperti, bagai, umpama dan ibarat. Dalam novel CA, antara contoh unsur simile yang dapat dikenal pasti adalah seperti yang berikut: Pokok-pokok ceri dan ketapang kelihatan kaku seperti Parraksasa yang telah diawet oleh ubat bius (hlm.30). Segala yang diharapkan selalunya hanya akan menjadi mimpi kosong seperti gelembung getah daun jarak yang ditiup kanak-kanak dalam permainan. (hlm.88). Bagaikan gunung api yang sedang marak, hatinya menggelegak (hlm. 140).

Selain itu, terdapat juga penggunaan unsur hiperbola yang dapat dikesan dalam novel ini. Hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan untuk menyatakan sesuatu perkara secara berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenar. Penggunaannya dalam novel CA adalah seperti contoh berikut: Dirasainya semua mata yang ada di dalam bilik itu menyiatnyiat kulitnya, menarik-carik hatinya. Wajahnya menjadi semakin hitam dan tambah bersegi-segi (hlm.138). Takungan air mata Adam lantas terburai pecah (hlm. 232).

Meskipun novel ini mengandung unsur hiperbola, namun penggunaannya tidak meluas dan hanya digunakan oleh pengarang semasa menceritakan sesuatu perasaan atau perkara tertentu sahaja. Penggunaannya yang terkawal ini adalah bersesuaian dengan ciri-ciri sebuah novel remaja yang mementingkan kesederhanaan dalam gaya bahasa agar dapat difahami oleh pemikiran remaja (Nor Raudhah Haji Siren, 2006). Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan, jelas bahawa penggunaan bahasa kiasan yang seimbang pada situasi-situasi tertentu menunjukkan bahawa pengarang novel ini bijak memanipulasikan unsur ini mengikut kesesuaiannya. Kepelbagaian penggunaan bahasa kiasan ini, bukan sahaja memperkaya nilai estetika, malah mampu memberikan kepuasan dan penghayatan yang mendalam kepada pembaca. Justeru, jelaslah bahawa penelitian novel CA melalui pendekatan stilistik mampu menyelongkar kekuatan dan kelemahan novel ini dari aspek gaya bahasa.

KESIMPULAN

Dengan menjadikan pendekatan stilistik sebagai kerangka analisis, makalah ini berhasil dalam mengenal pasti kekuatan (dari segi struktur, teknik penceritaan dan penggunaan bahasa kiasan) dan beberapa kelemahan (dari segi kesilapan ejaan dan penggunaan istilah yang sukar difahami). Perkara yang kedua (kelemahan) dari segi kesilapan ejaan dan penggunaan beberapa istilah yang sukar dan jarang digunakan (tanpa dibantu dengan penyediaan glosari pada bahagian akhir novel) sedikit sebanyak 'mencatatkan' kesempurnaan novel ini yang pernah dinobatkan sebagai pemenang HSPM 2004/2005 bagi Kategori Novel Remaja. Sebagai sebuah novel yang telah dipilih sebagai pemenang HSPM, novel CA seharusnya tidak diragui kekuatan aspek bahasanya (sebagaimana Laporan Panel Penilai HSPM 2004/2005).

Namun, setelah dilakukan analisis, ternyata novel ini mempunyai kelemahan yang ketara terutama dari aspek kesilapan ejaan dan penggunaan istilah yang sukar difahami. Malah, kesan kesilapan seumpama ini boleh menjejaskan reputasi penerbit,

apatah lagi novel CA diterbitkan oleh sebuah badan penerbitan yang sedia terkenal sebagai badan yang bertanggungjawab memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu. Justeru, kepekaan pengarang dan editor adalah dituntut dalam memastikan sesebuah karya bebas daripada kesilapan ejaan atau kesalahan tatabahasa. Malah, untuk membantu pembaca memahami sesuatu istilah yang jarang digunakan, pengarang wajar penyediaan bahan bantu seperti glosari untuk memudahkan pembaca merujuk istilah yang tidak fahami. Bahan bantu seumpama ini bukan sahaja menambahkan pemahaman pembaca, malah penemuan istilah baharu ini dapat membantu pembaca menambahkan perbendaharaan kata mereka. Tuntasnya, di samping menyampaikan unsur didaktik, penggunaan bahasa dan gaya penulisan yang baik juga adalah wajar dititikberatkan oleh semua pengarang, kerana aspek bahasa merupakan salah satu kriteria penting dalam penilaian sesebuah karya yang bermutu.

RUJUKAN

- Antilan Purba, (2009). *Stilistika Sastera Indonesia: Kaji Bahasa Karya Sastera*. Medan: USU Press.
- Baharuddin Kahar, (2004). *Cerita Adam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Kahar. "Cerita Adam: Liku-liku Hidup Golongan Gelandangan" dlm. *Tunas Cipta*. Julai (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Penilai HSPM 2004/2005*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustak
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Pertama, (1988)*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Istilah Sastra, (1990)*. Jakarta: UI Press.
- Keris Mas, (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, (2008). *Teori Sastera Kontemporari Edisi III*. Singapura: Penerbit Pustaka Karya.

- Misran Rokimin, (2006). *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, (2005). *Stilistik Komsas*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, (2007). *Komsas Pegangan Teras Keterampilan*. Kuala Lumpur: Icon Religiom Sdn.Bhd.
- Nor Raudah Haji Siren, (2006). *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, (1979). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toolan, Micheal, (1998). *Language in Literature: An Introduction to Stylistic*. London: Hodder Arnold.